

Bajet beri nafas baharu bidang penyelidikan

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KB 23.10.2016 |

KOTA KINABALU: Peruntukan pembangunan penyelidikan menerusi Bajet 2017 beri nafas baharu terhadap bidang penyelidikan di universiti awam.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata dengan adanya peruntukan baharu itu, lebih banyak kajian dapat dihasilkan.

Menurutnya lebih banyak kajian dibuat dan digunakan, lebih banyak manfaat yang diperolehi masyarakat secara

keseluruhannya.

"Ia sekali gus memperkasakan perkembangan penyelidikan untuk pengkomersilan dengan lebih meluas.

"Inikerana, pengkomersilan hasil penyelidikan memerlukan jangka masa yang lebih lama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas program '*Soaring Upwards: Let's Talk Higher Education*' Siri Kedua anjuran Kementerian

Pendidikan Tinggi di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini kelmarin.

Menurutnya menerusi

inisiatif yang dilaksanakan itu, ia dilihat mampu membawa peningkatan dan kemajuan terhadap pendidikan tinggi negara.

Jumaat lepas, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan sebanyak RM400 juta iaitu RM300 juta bagi memperkasa universiti penyelidikan dan RM100 juta bagi dana penyelidikan kepada institusi pengajian tinggi (IPT) dalam pembentangan Bajet 2017.

Idris berkata kerajaan turut memperuntukkan bajet untuk memperluaskan perkhidmatan jalur lebar

di universiti awam hingga capaian 100 gigabit (GB) per saat.

"Sekarang ini jalur lebar sedia ada hanya memperuntukkan kadar capaian sekitar dua hingga tiga GB.

"Justeru, ia dilihat dapat memenuhi keperluan penggunaan internet yang lebih meluas dan besar di seluruh negara.

"Program pembelajaran atas talian, '*video conference*' serta alat pandang dengan memerlukan capaian jalur lebar yang lebih besar," jelasnya.



IDRIS (tengah) berkesempatan bergambar secara 'wefie' bersama beberapa peserta program.